

27 NOV 1998

PNB-DIVIDEN

PNB SENTIASA PASTIKAN DIVIDEN MENARIK, KATA KETUA EKSEKUTIF

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd (PNB), syarikat pengurus dana Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) sentiasa memastikan pulangan yang "agak menarik" kepada pemegang unit-unitnya.

"Menarik adalah relatif kalau dibandingkan keadaan semasa," kata ketua eksekutif kumpulan, Encik Hamad Kama Piah Che Othman, sambil menegaskan para pelabur tidak sepatutnya mengharapkan pulangan yang terlalu tinggi dalam suasana kegawatan sekarang.

Dividen ASN dan ASB tahun ini, yang bakal diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam tempoh seminggu dua lagi, bagaimanapun akan setanding dengan saham-saham amanah lain, jelasnya.

Pulangan yang setanding ini terletak kepada keupayaan PNB mempelbagaikan portfolionya, kesan daripada saiz dana ASB dan ASN yang besar, katanya kepada Bernama baru-baru ini.

PNB kini menguruskan dana ASB dengan nilai pelaburan RM27.3 bilion dan ASN dengan modal terkumpul sebanyak RM1.5 bilion.

Mengenai kemampuan PNB memberikan pulangan yang memuaskan dalam kegawatan sekarang, Hamad berkata ini bergantung kepada "kayu ukur" yang digunakan.

Berbanding dengan saham amanah lain dan simpanan dalam bank, PNB telah selama ini membuktikan kebolehnya mengumumkan pulangan yang "begitu baik" sekali, jelasnya.

Jika perlindungan modal dijadikan ukuran, pemegang-pemegang unit ASB "boleh menjual balik saham mereka tanpa kehilangan modal," katanya merujuk kepada harga seunit ASB yang kekal pada RM1 tanpa mengira turun naik pasaran saham.

"Amanah saham kita tak ada tempoh bertenang, jika pelabur kesuntukan wang, mereka boleh terus pergi kepada cawangan kita, pejabat pos, bank atau agen PNB di seluruh Malaysia untuk mengeluarkan duit tanpa masalah," tambahnya.

"Tidak ada gunanya kalau dapat pulangan yang tinggi tapi susah mengeluarkan duit," kata Hamad.

Hamad berkata pulangan yang memuaskan juga adalah sesuatu yang subjektif kerana ia berkait rapat dengan risiko.

"Kalau nak pulangan yang tinggi sudah pasti risikonya agak tinggi," katanya sambil menjelaskan ASN dan ASB merupakan pelaburan dengan risiko yang rendah.

-- BERNAMA

AD OS